



**Lembaran Maklumat dan Garis Panduan Penyerahan**

**a. Apakah Skim Perniagaan Warisan SG?**

Lembaga Warisan Negara (NHB) sedang memperkenalkan Skim Perniagaan Warisan SG untuk mengiktiraf dan menyokong perniagaan warisan tempatan teladan yang:

- Memelihara dan mempromosikan warisan kita yang kaya;
- Mempunyai hubungan kemasyarakatan yang kukuh;
- Bertekad untuk mengekalkan perniagaan mereka.

Jika perniagaan anda telah menjadi sebahagian daripada kisah Singapura dan wujud selama 30 tahun atau lebih, skim ini adalah untuk anda.

**b. Apakah perniagaan warisan?**

Perniagaan warisan merupakan tulang belakang **budaya dan warisan Singapura** dan menyediakan perdagangan, barangan atau perkhidmatan yang tidak lapuk ditelan masa. Mereka juga membentuk watak dan identiti persekitaran mereka.

Perniagaan-perniagaan tersebut telah mengharungi arus perubahan selama beberapa dekad, menyesuaikan diri sambil kekal berpegang teguh pada warisan mereka. Lebih daripada sekadar kedai, **mereka adalah bukti sejarah yang masih hidup, menawarkan sepintas lalu ke dalam identiti dan budaya kita.**

**c. Kenapa Harus Memohon?**

Apabila sesuatu perniagaan telah diiktiraf sebagai Perniagaan Warisan SG, ia akan menerima beberapa faedah:

- Ketampakan dan kesedaran jenama:** Promosi oleh agensi pemerintah dan rakan kongsi melalui pelbagai saluran pemasaran dan pengaturcaraan.
- Penanda status warisan:** Plak untuk diletakkan di hadapan kedai dan bahan sokongan, termasuk logo digital, untuk digunakan pada media sosial dan laman web.
- Sokongan perniagaan:** Sokongan untuk usaha penambahbaikan dan transformasi perniagaan, berdasarkan saiz dan keperluan perniagaan.

**d. Untuk siapakah Skim ini disediakan?**

Untuk layak, perniagaan anda mestilah:

- a. Berdaftar dan beroperasi di Singapura;
- b. Telah beroperasi sekurang-kurangnya 30 tahun pada 1 Januari 2025, tanpa sebarang tempoh rehat dalam operasi selama melebihi 2 tahun;
- c. Mempunyai sekurang-kurangnya 30% ekuiti tempatan yang dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh warga Singapura dan / atau Penduduk Tetap Singapura, ditentukan oleh pemilikan individu secara muktamad;
- d. Terletak di Kawasan Tengah Bandar iaitu daerah-daerah Chinatown (Kreta Ayer, Bukit Pasoh, Neil Road), Kampong Gelam, Little India, Bandar dan kawasan Orchard<sup>1</sup>

Kami sedang mencari perniagaan yang:

- a. Telah bertahan dalam masyarakat atau kejiranan yang sama selama sekurang-kurangnya 30 tahun;
- b. Menawarkan perniagaan, barangan dan/atau perkhidmatan tradisional (Sila rujuk Lampiran B untuk senarai contoh);
- c. Mempunyai ikatan atau kesan masyarakat yang kukuh, seperti:
  - a. Menyediakan barang atau perkhidmatan yang memenuhi keperluan masyarakat; atau
  - b. Menganjur atau mengambil bahagian dalam acara kemasyarakatan; atau
  - c. Memberi sokongan kepada masyarakat.
- d. Bertekad untuk mengekalkan warisannya.

Memenuhi kriteria sahaja tidak menjamin bahawa pencalonan akan berjaya. Andadigalakkan memberikan tafsiran dan contoh bagaimana perniagaan anda memenuhi kriteria di atas melalui borong permohonan yang dilampir di bahagian yang berikut. Pencalonan yang layak akan dinilai oleh panel wakil yang dilantik oleh NHB.

---

<sup>1</sup> Ini merujuk kepada Kawasan Pusat seperti yang ditetapkan oleh Pihak URA, dan merangkumi kawasan budaya, gaya hidup dan perniagaan utama kami. Sila rujuk laman web NHB untuk maklumat lanjut.

#### e. Cara Memohon

Calonkan perniagaan anda sendiri, atau perniagaan yang anda kagumi. **Jika anda ingin mencalonkan perniagaan lain, anda amat digalakkan mendapatkan persetujuan perniagaan tersebut sebelum mengemukakan pencalonan.**

Untuk mengemukakan permohonan anda, sila ikuti langkah yang berikut::

- Lengkapkan [borang pencalonan dalam talian](#);
- Sediakan dokumen sokongan yang diperlukan. Butiran lanjut mengenai dokumen sokongan dan format yang diterima boleh didapati di bahagian berikut.

Borang pencalonan telah disediakan dalam bahasa Inggeris dan Melayu. Sila rujuk kod QR dan pautan berikut untuk butiran lanjut mengenai skim dan borang pencalonan dalam talian. Untuk pertanyaan lanjut, sila emel kepada [sg\\_heritage\\_business@nhb.gov.sg](mailto:sg_heritage_business@nhb.gov.sg).

#### Borang Pencalonan Dalam Talian



#### f. Tempoh Pencalonan dan Pemberitahuan Hasilnya

Tempoh membuat pencalonan bermula dari 20 Mac 2025 hingga 18 Mei 2025. Pencalonan yang dihantar selepas tarikh akhir 18 Mei 2025, jam 11.59 malam tidak akan dipertimbangkan.

Keputusan pencalonan akan diumumkan sebaik mungkin pada Julai 2025 melalui e-mel. Sila ambil perhatian bahawa semua keputusan skim adalah muktamad.

**g. Senarai Semak Permohonan dan Garis Panduan Penyerahan**

Semua dokumen sokongan harus dimuat naik melalui borang pencalonan dalam talian kami bersama borang pencalonan anda.

Sila pastikan anda mempunyai dokumen berikut menggunakan senarai semak di bawah.

Dokumen		Garis Panduan Penyerahan Dokumen
<input type="checkbox"/>	Borang Permohonan	Sila pastikan semua ruangan wajib diisi
<input type="checkbox"/>	Bukti umur perniagaan	<p>Sila sediakan bukti umur perniagaan seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. ACRA Bizfile atau perjanjian sewa, dokumen pembelian hartanah, yang mana lebih awal;</li> <li>2. Lain-lain dokumen sokongan.</li> </ol> <p>Sila pastikan bahawa maklumat dalam dokumen tersebut <b>boleh disahkan</b>. Dokumen yang tidak disahkan tidak akan dipertimbangkan.</p>
<input type="checkbox"/>	Dokumen-dokumen yang menyokong bagaimana perniagaan itu relevan dan komitmennya terhadap warisan	<p><b>Format Penyerahan</b></p> <p>Jika menyerahkan berbilang dokumen, sila kumpulkan semua bahan untuk setiap bahagian ke dalam satu folder .zip atau ke dalam satu dokumen PDF. Sila pastikan bahawasemua dokumen yang dikongsi boleh diakses. Disebabkan oleh had saiz fail, setiap dokumen yang dimuat naik tidak boleh melebihi 3MB. Jika dokumen-dokumen anda melebihi saiz tersebut, sila emel kepada <a href="mailto:sg_heritage_business@nhb.gov.sg">sg_heritage_business@nhb.gov.sg</a>.</p> <p>Contoh format dokumen sokongan yang boleh diterima termasuk, tetapi tidak terhad kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Gambar</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Untuk mengelakkan isu keserasaian, sila serahkan gambar dalam format berikut: .jpeg, .jpg atau .png</li> </ol> </li> <li>• <b>Video</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Disebabkan had saiz fail, sila serahkan petikan yang berkaitan atau mampatkan fail.</li> </ol> </li> </ul>
<input type="checkbox"/>	Bukti hubungan perniagaan ini dengan masyarakat	
<input type="checkbox"/>	Dokumen-dokumen yang menunjukkan sejarah perniagaan, atau rancangan untuk, berinovasi dan meningkatkan kemampanan syarikat	

		<p>b. Untuk fail video yang tersedia untuk tontonan dalam talian (contohnya di media sosial), sila nyatakan URL melalui dokumen sokongan anda.</p> <p>c. Jika anda perlukan bantuan untuk menyerahkan fail video anda, sila emel kepada <a href="mailto:sg_heritage_business@nhb.gov.sg">sg_heritage_business@nhb.gov.sg</a></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Rujukan masyarakat</b> boleh termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Testimoni pelanggan (surat/penyata video)</li> <li>b. Siaran akhbar, liputan media massa (contohnya artikel atau siaran media sosial yang mempamerkan penglibatan perniagaan dengan masyarakat)</li> <li>c. Surat-surat sokongan daripada pemimpin masyarakat atau pertubuhan (contohnya Pemimpin persatuan perniagaan, pertubuhan-pertubuhan bukan pemerintah atau NGO)</li> <li>d. Koleksi peribadi (contohnya koleksi gambar-gambar dengan pelanggan)</li> </ul> </li> <li>• <b>Sorotan media</b>, seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Berita dan/atau artikel majalah</li> <li>b. Wawancara</li> <li>c. Sorotan Media sosial, dsb.</li> </ul> </li> </ul>
<input type="checkbox"/>	<p>(Jika berkenaan) Bukti geran atau pembiayaan yang diterima daripada NHB atau agensi awam lain</p>	<p>Format yang diterima mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat tawaran yang sudah ditandatangani;</li> <li>• Memorandum Persefahaman yang ditandatangani;</li> <li>• Imej/bahan video acara atau projek yang disokong atau dikendalikan oleh NHB;</li> <li>• Sebarang bentuk dokumentasi lain yang boleh digunakan untuk pengesahan.</li> </ul>
<input type="checkbox"/>	<p>(Jika berkenaan) Bukti penglibatan dalam program yang dikendalikan oleh NHB atau badan yang berkaitan</p>	

## LAMPIRAN B

### Peta Kawasan-kawasan yang Layak

1. Sila ambil perhatian bahawa hanya perniagaan yang terletak di dalam Kawasan Tengah Bandar iaitu [Chinatown \(Kreta Ayer, Bukit Pasoh, Neil Road\), Kampong Gelam, Little India, Daerah Sivik, Bras Basah, Bugis, Downtown dan kawasan Orchard](#)<sup>2</sup> yang akan layak memohon untuk Skim Perniagaan Warisan SG pada tahun 2025. Anda boleh menggunakan salah satu daripada cara berikut untuk menentukan sama ada perniagaan anda layak atau tidak:

- a. Rujuk gambar peta dan senarai jalan yang menjadi sempadan Kawasan Tengah di bawah;
- b. Rujuk Peta Google dan masukkan 'Central Area ' untuk memaparkan sempadan kawasan tersebut. Laman web hendaklah memaparkan sempadan seperti yang dilihat dalam Rajah 1 di bawah;

2. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan tentang kelayakan perniagaan anda bagi Skim ini, sila emel kepada [sg\\_heritage\\_business@nhb.gov.sg](mailto:sg_heritage_business@nhb.gov.sg) dengan butiran berikut:

- a. Nama dan alamat perniagaan;
  - b. Jenis perniagaan
- a. Barang dan perkhidmatan yang ditawarkan, secara ringkas.

---

<sup>2</sup> Ini merujuk kepada Kawasan Pusat seperti yang ditetapkan oleh Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA), dan merangkumi kawasan budaya, gaya hidup dan perniagaan utama kami. Sila rujuk laman web NHB untuk maklumat lanjut.


**Rajah 1: Sempadan Kawasan Tengah Bandar:**



**Penunjuk**


1	Keppel Viaduct	10	Balmoral Road
2	Cantonment Road	11	Bukit Timah Road
3	Outram Road	12	Tekka Lane
4	Kim Seng Road	13	Rangoon Road
5	Zion Road	14	Serangoon Road
6	Grange Road	15	Syed Alwi Road
7	Tanglin Road	16	Jalan Sultan
8	Orange Grove Road	17	Beach Road
9	Anderson Road	18	Ophir Road

**Rajah 2: Gambar rajah dekat Sempadan Kawasan Tengah Bandar 1**







**Rajah 3: Gambar rajah dekat Sempadan Kawasan Tengah Bandar 2**



**Rajah 4: Gambar rajah dekat Sempadan Kawasan Tengah Bandar 3**



**Rajah 5: Gambar rajah dekat Sempadan Kawasan Tengah Bandar 4**



**LAMPIRAN C**
**Contoh-contoh Perdagangan, Barangan dan Perkhidmatan Tradisional**

1. Perdagangan, barangan dan perkhidmatan tradisional boleh merujuk kepada pelbagai jenis amalan, produk atau pengetahuan yang berurat berakar pada warisan budaya dan identiti Singapura. Ini boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, contoh-contoh berikut:

S/N	Bahagian	Contoh-contoh
1	<b>Ketukangan dan Amalan Artisanal</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan artisanal yang berurat akar pada warisan tempatan, mempamerkan kemahiran dan kesenian yang diwarisi turun-temurun.</li> <li>• Barangan buatan tangan dan produk yang mencerminkan kemahiran, bahan dan/atau reka bentuk tempatan tradisional, seperti tekstil, kerja kayu dan kerja logam.</li> </ul>
2	<b>Makanan Tradisional</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perniagaan makanan yang pakar dalam resipi tradisional, kaedah memasak dan bahan-bahan tempatan, mengekalkan rasa asli dan warisan masakan.</li> <li>• Makanan dan minuman yang melambangkan pelbagai pengaruh budaya dan tradisi masakan Singapura. Ini termasuk makanan ringan, pencuci mulut dan minuman.</li> </ul>
3	<b>Perkhidmatan dan Pengetahuan Budaya</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan yang menawar pengetahuan, kepakaran atau pengalaman yang berkaitan dengan budaya atau tradisi tempatan, seperti amalan penyembuhan, persembahan kebudayaan, perkhidmatan perkahwinan, dsb.</li> <li>• Perniagaan yang menyumbang kepada penghantaran, pemeliharaan dan perayaan warisan budaya kita (cth. ritual, upacara, acara masyarakat).</li> </ul>
4	<b>Perdagangan Tradisional</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perniagaan atau perdagangan yang terbukti telah diwarisi, dibangunkan dan dikekalkan dalam konteks tempatan untuk jangka masa yang panjang (contohnya tukang kayu; kedai buku)</li> </ul>

2. Jika perniagaan itu menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk tawaran tradisional dan bukan tradisional, ia hendaklah menunjukkan bahawa perdagangan, barangan atau perkhidmatan tradisional mereka merupakan tawaran kekal, bukan secara bermusim dan membentuk komponen penting bagi perniagaan mereka.

3. Perniagaan yang secara umum tidak terlibat dalam penghantaran atau pemeliharaan perdagangan tradisional, barangan dan perkhidmatan, tidak layak untuk skim ini. Ini boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada contoh berikut:

- a. **Restoran rantaian bukan tempatan:** Francais restoran yang tidak pakar dalam tradisi masakan tradisional atau tempatan dan tidak menyumbang secara langsung kepada warisan Singapura;
- b. **Gedung beli-belah yang menyediakan barangan generik:** Gedung beli-belah yang menawarkan barangan generik serta produk yang kebanyakan diperoleh dari luar negara;
- c. **Perkhidmatan berasaskan teknologi:** Perniagaan yang memberi tumpuan terutamanya kepada perkhidmatan berasaskan teknologi generik seperti agensi pemasaran digital, firma pembangunan perisian, platform e-dagang;
- d. **Perkhidmatan syarikat:** Perkhidmatan yang tidak menyediakan pengetahuan budaya secara aktif sebagai sebahagian daripada perkhidmatan profesional mereka, seperti agensi perunding kewangan, syarikat insurans dan lain-lain.

4. Sekiranya terdapat sebarang kenyataan, sila emel kepada Sekretariat Skim Perniagaan Warisan SG di [sg\\_heritage\\_business@nhb.gov.sg](mailto:sg_heritage_business@nhb.gov.sg) dengan butiran berikut:

- a. Nama perniagaan;
- b. Sifat perniagaan;
- c. Tawaran utama (produk, perkhidmatan atau perdagangan).

5. Sebelum menulis ke e-mel di atas, sila sahkan bahawa perniagaan anda memenuhi kriteria kelayakan lain untuk skim seperti yang disenaraikan dalam halaman web berikut: <https://go.gov.sg/sqheritagebusiness>.